

TARIKH	8 / 8 / 2014	SEKSYEN	NEUTRA
MUKA SURAT	16	RUANGAN	

## Bakal jemaah haji dinasihati waspada terhadap virus Ebola

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan menasihatkan rakyat Malaysia yang akan menunaikan ibadah haji tahun ini agar mengambil langkah berjaga-jaga berikutan laporan mengenai kematian seorang lelaki di Arab Saudi yang disyaki dijangkiti virus Ebola (EVD).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam (**gambar**) berkata, bakal jemaah seharusnya mengelak daripada sebarang sentuhan badan, terutama dengan jemaah yang didapati sakit atau menunjukkan tanda-tanda dijangkiti virus berkenaan.

“Jika terdapat keperluan untuk berbuat demikian, anda perlu mengambil langkah berjaga-jaga seperti memakai sarung tangan, gaun dan topeng muka.

“Banyak kes penyakit ini tersebar di Afrika Barat adalah kerana mereka tidak berupaya untuk mematuhi prinsip kesihatan ini,” katanya di sini semalam.

Menurut laman web Kementerian Kesihatan Kerajaan Arab Saudi lelaki berkenaan meninggal dunia kelmarin selepas dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi lewat Isnin apabila beliau menunjukkan simptom dijangkiti virus demam berdarah selepas mengadakan lawatan kerja ke Sierra Leone.



KERATAN  
*Kosmo!* semalam.



Sierra Leone dan Liberia merupakan negara yang paling teruk terjejas oleh penyakit itu.

Punca jangkitan masih disiasat dan pihak berkuasa kini sedang memantau mereka yang bersentuhan dengan mangsa dan dikesan mempunyai simptom berkaitan penyakit virus demam berdarah,

menurut laman web itu.

Kementerian Kesihatan Kerajaan Arab Saudi sebelum ini mengumumkan keputusan untuk menghalang jemaah haji dari negara yang terjejas virus Ebola seperti Liberia, Sierra Leone dan Guinea daripada melakukan umrah atau haji pada tahun ini.

Terdahulu dalam satu majlis berasingan, Subramaniam meminta rakyat di negara ini agar tidak bimbang dengan penularan EVD memandangkan kerajaan sentiasa memantau perkembangannya dari semasa ke semasa.

“Risiko penularan EVD di negara ini masih rendah berbanding kes serius lain seperti denggi. Namun kerajaan serius mengawal penularan virus ini dijangkiti rakyat,” katanya.